

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 22 MAC 2016 (SELASA)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Definisi 'Gelombang Haba' Dipersetujui - MOSTI	BERNAMA
2.	Satelit bumi kedua negara siap sebelum hujung 2017	Utusan Malaysia
3.	Saintis wanita bukti kehebatan	Utusan Malaysia
4.	Gerhana Bulan Penumbra Pada Malam 23 Mac - Angkasa	BERNAMA
5.	Sekolah Di Kedah Dan Perlis Ditutup Dua Hari Mulai Esok - Mahdzir	BERNAMA
6.	El-Nino: JLKN Dapatkan Nasihat Sebelum Laksana Aktiviti Luar	BERNAMA
7.	Stesen Satelit Bumi Tuaran Perlu Siap Sebelum Pelancaran RazakSat2 - Madius	BERNAMA
8.	Ekoran Kedah dan Perlis catat suhu panas melampau Sekolah ditutup dua hari	KOSMO
9.	413,786 Boleh Cuti	Harian Metro
10.	It's a knockout heat	The Star
11.	Battling 276 fires on equinox day	The Star
12.	A sweltering 37°C in four states	The Star
13.	Tuaran district in Sabah to be propelled into space age	The Star
14.	School closure affects 413,786 students	New Straits Times
15.	Higher temperatures in Kedah, Perlis	New Straits Times
16.	Kedah, Perlis may see mercury rising to just below 40 degrees	Malay Mail
17.	Dry spell to delay padi replanting	Malay Mail



Definisi 'Gelombang Haba' Dipersetujui - MOSTI



Datuk Seri Madius Tangau (Gambar fail Bernama)

KUALA LUMPUR, 21 Mac (Bernama) -- Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Menangani El-Nino dan Cuaca Kering pada hari ini bersetuju dengan definisi gelombang haba (heatwave) yang digunakan oleh **Jabatan Meteorologi**.

Menurut definisi itu Tahap 0: Suhu di bawah 35 Celsius (Pemantauan); dan Tahap 1: Suhu maksimum antara 35C hingga 37C selama tiga hari berturut-turut (Keadaan berjaga-jaga).

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Wilfred Madius Tangau dalam kenyataan hari ini berkata, Tahap 2: Suhu maksimum melebihi 37C untuk tiga hari berturut-turut (pengisytiharan 'heatwave' oleh MOSTI bagi pihak lain mengambil tindakan selanjutnya seperti penutupan sekolah dan sebagainya);

Tahap 3: Suhu melebihi 40C untuk 3 hari berturut-turut (Pemakluman kepada Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Perdana Menteri akan mengisytiharkan kecemasan).

Katanya, pemantauan cuaca terkini oleh pihak MetMalaysia pada hari ini, setakat jam 4.00 petang di sembilan lokasi adalah seperti berikut: Batu Embun, Pahang (37.0C); Chuping, Perlis (37.0C); Keningau, Sabah (37.0C); Prai, Pulau Pinang (37.0C) dan Temerloh, Pahang (36.0C).

Manakala Lubok Merbau, Perak (36.0C); Ipoh, Perak (36.0C); Kuala Krai, Kelantan (36.0C); dan Alor Star, Kedah (36.0C).

Katanya, keadaan yang sama dijangka juga berlaku pada esok (22 Mac).

Kejadian jerebu tempatan juga akan turut terjadi kesan daripada cuaca panas dan aktiviti manusia seperti industri, kenderaan bermotor dan pembakaran hasil buangan sisa pertanian.

"Oleh itu, orang ramai dinasihatkan untuk tidak melakukan pembakaran terbuka terutamanya yang melibatkan aktiviti perkhemahan.

"Pada masa yang sama, orang ramai turut dinasihatkan supaya menghadkan aktiviti luar semasa keadaan cuaca panas terutamanya di sebelah petang," katanya.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 13
TARIKH : 22 MAC 2016 (SELASA)



MADIUS TANGAU (tengah) melihat pelan asal tapak Pusat Sains Negara di Kampung Laya-Laya, Tuaran, Sabah, semalam. - UTUSAN/IRWAN MAJID

Satelit bumi kedua negara siap sebelum hujung 2017

TUARAN 21 Mac - Pembinaan stesen satelit bumi kedua negara di daerah ini yang bernilai RM27.5 juta perlu memulakan pembinaannya supaya dapat beroperasi selewat-lewatnya tahun depan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau berkata, jangkaan itu perlu untuk memastikan kesinambungan pembinaan stesen tersebut dengan pelancaran satelit RazakSAT-2 iaitu sebuah satelit penderiaan jauh bagi memantau permukaan bumi.

Menurutnya, stesen satelit bumi yang dibina di atas tanah seluas 2.9 hektar itu akan berperanan sebagai pusat kawalan dan perhubungan sistem satelit yang mengorbit bumi di ruang angkasa.

"Tender juga telah dibuka bagi kerja-kerja pembinaan. Pihak kementerian mahu pembinaan bangunan satelit bumi ini dijalankan segera dan siap dalam tahun ini atau tahun depan supaya selari dengan pelancaran RAZAKSAT-2," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas melawat tapak pembinaan bangunan stesen satelit bumi itu dan Pusat Sains Negara cawangan Sabah di Kampung Laya-Laya, di sini hari ini.

RazakSAT-2 merupakan kesinambungan program satelit RazakSAT yang dilancar pada 14 Julai 2009 dengan skop teknologi pembangunan RazakSAT-2 adalah untuk menaik taraf keupayaan sistem terutama dari

segi perisian dan peralatan satelit.

Satelit penderiaan jauh pertama negara, RazakSAT dilancar di Kwajalein Atoll, Republik Marshall Islands menerusi kenderaan pelancar, Falcon 1 yang dikendalikan Space Exploration Technologies Amerika (SpaceX).

Ditanya pemilihan Tuaran sebagai lokasi membina infrastruktur itu, Madius berkata, keadaan geografi dan kawasan tanah luas tersedia merupakan faktor daerah itu dipilih bagi membangunkan stesen tersebut.

Mengulas mengenai pembinaan Pusat Sains Negara di negeri ini, Madius berkata, perkara tersebut masih dalam perbincangan bersama agensi berkaitan lain termasuk Unit Perancang Ekonomi (EPU) bagi penelitian bajet pembinaan itu.

Kata beliau, beberapa pendekatan baharu akan disuntik dalam pembinaan Pusat Sains Negara di Sabah bagi menanam minat masyarakat negeri ini dengan ilmu sains dan teknologi selain penekanan elemen futuristik.

"Pembinaan ini masih di peringkat perbincangan dengan EPU dari segi kos dan bajetnya. Kita berharap Pusat Sains Negara ini mampu disiapkan dalam tempoh dua tahun.

"Kita mahu mengajak masyarakat yang 'membenci' sains supaya merubah persepsi itu sekali gus berupaya melahirkan masyarakat berkemahiran sains menjelang tahun 2020," katanya.

mode

Oleh NURSYAMIMI SAIDI
nursyamimi.saidi@
utusan.com.my

MENJADI saintis wanita di Malaysia bukanlah satu isu yang baharu di negara kita kerana peluang tersebut telah terbuka luas sejak sekian lama dahulu memandangkan potensi wanita dalam bidang tersebut sentiasa ditagih.

Walaupun mungkin masih tidak dapat menandingi jumlah saintis lelaki, mereka sentiasa didorong oleh semangat mahu menyahut cabaran dalam menguasai bidang tersebut.

Sungguhpun perlu memegang status sebagai seorang isteri dan ibu, kunci utama kejayaan mereka adalah bijak membahagikan masa tanpa mengabaikan tanggungjawab terhadap dua perkara tersebut.

Itu antara persamaan ada pada tiga wanita hebat ini yang mengukir kejayaan dalam bidang sains, iaitu Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi, **Datuk Che Gayah Ismail**, Ketua Pengarah Jabatan Standard Malaysia, **Datuk Fadilah Baharin**, dan pensyarah Institut Penyelidikan, Pembangunan, dan Inovasi (IRDI), Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU), **Dr. Wong Chiew Yen**.

Ketiga-tiga wanita ini berkongsi kisah kejayaan masing-masing pada Forum Wanita Dalam Sains anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bersempena dengan sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2016, di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Majlis disempurnakan oleh Penasihat Pembangunan Keusahawanan dan Iktisaw Wanita di Jabatan Perdana Menteri, **Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil**. Hadir sama Ketua Setiausaha MOSTI, **Datuk Sri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur**.

BEKAS PESAKIT KANSER

Bagi **Fadilah Baharin**, beliau yang pada mulanya menyambung pelajaran dalam bidang nuklear, tidak menyangka penyertaannya dalam sektor kerajaan diterima walaupun ketika itu sangat kurang jumlah saintis wanita yang menceburi bidang sains.

Tidak dinafikan banyak cabaran yang perlu dilalui sehingga berada di tahap sekarang, namun beliau mengakui, segala kekuatan datang daripada niat bahawa perlu melakukan dengan cara paling terbaik bagi menyerahkan kemampuannya di mata majikan dan paling penting, apa sahaja yang dilakukan perlu disumbangkan kembali kepada masyarakat.

"Tipu kalau orang kata wanita mudah menembusi bidang yang dikuasai lelaki, kerana apa yang anda lihat sekarang adalah usaha dan pengorbanan terdahulu yang perlu dilakukan antara kerjaya dan keluarga. Untuk mencapainya, sokongan daripada suami dan keluarga adalah sangat penting," katanya yang mempunyai empat orang anak.

Melihat kepada luarannya sebagai seorang wanita yang berperwatakan



Saintis wanita bukti kehebatan

Biarpun penglibatan wanita terhadap potensi mereka sentiasa jadi sandaran

lembut, **Fadilah** sebenarnya seorang bekas pesakit kanser payu dara tahap empat yang hampir meragut nyawanya saat beliau berada di puncak karier di Jabatan Standard Malaysia.

"Saya mengambil masa dua tahun untuk menerima kenyataan bahawa saya mempunyai penyakit yang sangat digeruni wanita. Bayangkan dalam tempoh berperang melawan penyakit, saya diduga lagi apabila suami saya dijemput menghadap Ilahi.

"Terasa gelap seketika dunia saya saat itu, mana tidaknya suami yang sentiasa ada untuk memberikan semangat dan kata-kata motivasi untuk terus berjuang melawan kanser, tiba-tiba tiada lagi di sisi. Apabila kakak saya mengambil alih peranan arwah suami, dia pula meninggal dunia dan meninggalkan lima orang anaknya kepada saya.

"Sudahlah sakit, saya hilang lagi tempat bergantung. Ketika itu barulah saya sedar tidak guna saya merintih kerana saya sahaja harapan kepada anak dan anak saudara saya untuk bergantung. Saya perlu kuat untuk melawan penyakit ini dan berkat keyakinan dan sikap positif, saya berjaya mengharungi dugaan tersebut dan kini telah pulih daripada kanser," ujarnya.

Tambahnya, ketika berjuang melawan penyakit tersebut majikan dan pekerjaanya

banyak memberikan sokongan dan bantuan.

Walaupun banyak mengambil cuti sepanjang mendapat rawatan, beliau tidak sesekali mengabaikan tanggungjawab yang telah diberi dengan memastikan segala tugas dilakukan mengikut perancangan dan sebolehnya tidak mahu ketiadaannya di pejabat mengganggu proses kerja.

Kini, dia boleh menarik nafas lega selepas disahkan bebas daripada kanser dan lebih mengambil berat tentang soal kesihatan berbanding dahulu.

Malah, kisahnya diharap menjadi pemangkin semangat kepada generasi muda yang mahu menceburi bidang sains tetapi takut untuk berhadapan dengan cabaran, supaya sentiasa bersedia dan tahu bagaimana untuk melaluinya tanpa sebarang penyesalan.

PELUANG SAMA RATA

Dalam pada itu, **Che Gayah**, yang menerajui Jabatan Meteorologi Malaysia, mengakui beliau bertuah kerana jabatannya mempunyai jumlah saintis wanita yang sama dengan rakan sejawat lelaki, berbanding jumlah felo saintis wanita di Akademi Sains Malaysia hanya sebanyak 18 peratus.

Bagi skop dalam bidang meteorologi,

beliau tidak menghadapi masalah kekurangan saintis wanita, cuma yang membezakan bagaimana mereka perlu membawa diri dalam bidang yang memerlukan penguasaan menyeluruh.

"Dasar kerajaan telah lama berubah untuk memberi peluang kepada wanita menguasai bidang kritikal, namun yang menjadi masalah adalah bagaimana untuk menguruskan masa dengan baik antara kerja dan anak-anak terutama bagi saintis wanita yang masih mempunyai anak kecil.

"Tidak dinafikan kelompok ini akan menghadapi tekanan yang besar, malah produktiviti yang terhasil adalah kurang, tetapi apabila usia anak-anak sudah mencapai sesuatu tahap, wanita adalah pekerja paling terbaik.

"Di situ kita boleh nampak bagaimana hebatnya peranan wanita di tempat kerja yang langsung tidak mencampur-aduk masalah di rumah dengan apa yang dilakukannya di tempat kerja.

"Disebabkan itulah kerjasama antara majikan dan pekerja perlu dititikberatkan kerana majikan perlu memahami tanggungjawab wanita terhadap keluarga. Apa yang penting segala kerja yang diberikan selesai dan menepati kehendak organisasi," ujarnya.



FADILAH BAHARIN



CHE GAYAH ISMAIL

**SAMBUNGAN...
KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA) : MUKA SURAT 9
TARIKH : 22 MAC 2016 (SELASA)**

SHAHRIZAT ABDUL JALIL diiringi Noorul Ainur Mohd. Nur (kanan) bersalaman dengan peserta yang hadir pada Forum Wanita Dalam Sains anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi sempena Hari Wanita Antarabangsa 2016 di Kuala Lumpur, baru-baru ini.



**MENCORAK SENDIRI
MASA DEPAN**

Bagi Dr. Wong Chiew Yen pula, beliau yang diberi kebebasan oleh ibu bapanya dalam mencorakkan masa depan, menggunakan peluang itu sehabis baik untuk menonjolkan kemampuan dan potensi diri dalam bidang sains.

Beliau berjaya melakukan penyelidikan di Antartika dan Artik, yang membuktikan wanita juga mampu melakukan kerja ekstrem seperti lelaki.

Ujarnya, apabila lelaki menganggap wanita adalah lemah, persepsi tersebut adalah salah kerana sebenarnya golongan Hawa lebih kuat kerana perlu menguruskan banyak perkara dalam satu sama.

"Wanita perlu menjaga ibu bapa mereka, suami, dan anak-anak yang mana bukan semua lelaki mampu menguruskannya. Jadi, saya sangat berbangga dengan kejayaan wanita dalam apa jua bidang yang diceburi mereka kerana membuktikan bahawa wanita juga boleh melakar kejayaan untuk menyumbang kepada keluarga, masyarakat dan negara," katanya.



**DR. WONG
CHIEW YEN**

